

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

### Harga simen, besi melonjak pada Januari 2023

## Harga simen, besi melonjak pada Januari 2023

**KUALA LUMPUR** - Indeks harga seunit simen meningkat 2.6 peratus pada Januari 2023 berbanding Disember 2022 di dorong oleh peningkatan harga bahan mentah dan arang batu serta kos penghantaran yang lebih tinggi, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.


Indeks harga seunit besi pula mencatatkan peningkatan 1.0 peratus, seiring dengan peningkatan harga bijih besi dan besi utama di peringkat global.

Menurut Trading Economics, harga besi dijangka meningkat berikutan pemulihan aktiviti kilang China pada Januari selepas penguncupan tiga bulan berturut-turut seperti yang dilaporkan oleh Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Biro Statistik Kebangsaan China, kata Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

"Selain itu, penamatan dasar sifar Covid di China dan pelbagai inisiatif untuk merangsang aktiviti pembinaan dijangka memperkuuh sektor hartanah dan permintaan perumahan.

"Jangkaan ini seterusnya akan meningkatkan permintaan untuk input pembinaan dan perindustrian yang menggunakan bahan daripada bijih besi dan besi," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mohd Uzir berkata, World Steel Association melalui *Short Range Outlook (SRO) for 2022 and 2023* menyatakan per-



Antara faktor mempengaruhi harga bahan binaan adalah disebabkan kenaikan harga bahan mentah serta kos penghantaran yang tinggi.

mintaan besi pada tahun 2023 dijangka merekodkan pertumbuhan sebanyak 2.2 peratus.

Sementara *The Global Steel Outlook 2023* yang diterbitkan oleh Fitch Ratings menjangka pertumbuhan tambahan dalam penggunaan keluli pada 2023 bagi pasaran seperti India, Asia Tenggara dan Amerika Syarikat.

"Isu geopolitik seperti tekanan perdagangan berterusan akibat perang di Ukraine dan sekatan terhadap Rusia, dan ketegangan perdagangan Amerika Syarikat-China mungkin akan turut memberi kesan kepada pasaran keluli," tambah beliau.

Indeks harga bagi seunit bagi besi dan simen telah meningkat masing-masing 1.4 pe-

ratus dan 9.3 peratus bagi Januari 2023.

Harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60' high tensile deformed bars* adalah RM3,599.37 bagi setiap tan, mencatatkan peningkatan 0.7 peratus berbanding bulan sebelumnya (Disember 2022: RM3,576.00 satu tan).

Purata harga simen (*Ordinary Portland*) catat kenaikan 3.4 peratus iaitu RM21.66/ 50 kg berbanding RM20.95/ 50 kg (Disember 2022).

Selain itu, Indeks Kos Binaan (tanpa bar keluli dan termasuk bar keluli) bagi semua kawasan di Semenanjung merekodkan peningkatan di antara 0.5 dan 2.5 peratus pada Januari 2023. - Bernama